

05 OCT 1996

Mahathir - Myanmar

MALAYSIA AKAN MENERUSKAN DIALOG DENGAN MYANMAR, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia tidak akan memencilkan Myanmar tetapi akan meneruskan dialog dengan kerajaan Yangon yang menunjukkan tanda-tanda perubahan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata terdapat bukti menunjukkan dasar Asean mengadakan dialog dengan Myanmar telah membawa perubahan kerana negara itu sedikit demi sedikit menjadi lebih terbuka.

"Myanmar ialah sebuah negara kaya. Jika kita memencilkan mereka, mereka boleh hidup bertahun-tahun tanpa berhubung dengan dunia luar. Sebenarnya, itulah yang merela lakukan hampir 20 tahun, mengapa tiada usaha untuk menghalang mereka ketika itu?" kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan kebangsaan Parti Gerakan di sini.

Dr Mahathir telah ditanya mengenai tindakan Amerika Syarikat tidak membenarkan anggota-anggota junta tentera Myanmar dan keluarga mereka daripada melakukan lawatan ke negara itu.

Tindakan Wahington itu ialah berikutan laporan mengenai penahanan beratus-ratus penyokong pejuang demokrasi Aung San Suu Kyi oleh Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman Negara (SLORC) Myanmar.

"Saya berpendapat mereka tidak akan membuat lawatan ke Amerika kecuali Amerika menghalang mereka daripada menghadiri persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang kebetulan terletak di negara itu," kata Dr Mahathir.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia lebih suka berinteraksi dan mengadakan dialog dengan Myanmar sedangkan Amerika sebagai kuasa besar lebih cenderung menggunakan kekerasan.

Beliau juga berkata kemasukan Myanmar ke dalam Asean membawa kebaikan kerana anggota-anggota pertubuhan serantau itu dapat menggunakan pengaruhnya terhadap rejim Yangon.

Mengenai sama ada penyertaan Myanmar dalam Asean akan diputuskan pada sidang puncak tidak formal ketua-ketua Asean bulan depan, Dr Mahathir berkata: "Jika ikutkan kami, kami mahukan mereka ikut serta." -- BERNAMA

TM FAZ